

Tujuh EXCO Perak dilantik

Pelantikan
di Istana Kinta
lengkapkan
pembentukan
jentera
pentadbiran

Oleh Balqis Jazimah Zahari
bhnews@nstp.com.my

Ipoh: Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, berkenan melantik tujuh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) Perak.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ahmad Suaidi Abdul Rahim, berkata Istiadat Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Jawatan diadakan secara ringkas di Istana Kinta, di sini, semalam bagi mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang dilaksanakan hingga 14 April.

“Pelantikan ini adalah bagi melengkapkan pembentukan jentera pentadbiran kerajaan negeri selepas pelantikan Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu, sebagai Menteri Besar Ke-13 pada 13 Mac lalu,” katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Ahmad Suaidi berkata, jumlah tujuh EXCO itu adalah memadai bagi membantu Menteri Besar menjalankan urusan pentadbiran kerajaan negeri berfungsi, selari dengan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak.

Katanya, tujuh EXCO itu ada-



(Barisan depan dari kanan) Shahrul Zaman, Saarani, Razman bersama (barisan belakang dari kanan) Nolee Ashilin, Abdul Yunus, Dr Wan Norashikin dan Mohd Akmal bergambar selepas mengangkat sumpah jawatan EXCO di hadapan Sultan Perak di Istana Kinta, Ipoh semalam.

lah ADUN Kota Tampan, Datuk Saarani Mohamad (UMNO); ADUN Kampung Gajah, Datuk Dr Wan Norashikin Wan Noordin (UMNO); ADUN Rungkup, Datuk Shahrul Zaman Yahya (UMNO), ADUN Selama, Mohd Akmal Kamarudin (PAS); ADUN Gunung Semanggol, Razman Zakaria (PAS); ADUN Kuala Kurau, Datuk Abdul Yunus Jamhari (BERSA-

TU) dan ADUN Tualang Sekah, Datuk Nolee Ashilin Mohamed Radzi (BERSATU).

Sementara itu Ahmad Faizal berkata, portfolio bagi tujuh EXCO itu masih pada peringkat rundingan, manakala tiga lagi jawatan EXCO akan diisi dalam masa terdekat selepas selesai pelaksanaan PKP.

“Alhamdulillah hari ini (sema-

lam) Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, berkenan tujuh ADUN untuk mengangkat sumpah sebagai EXCO. Insya-Allah selepas ini saya hendak berjumpa dengan semua EXCO yang sudah mengangkat sumpah untuk berbincang dari hati ke hati bagi membina satu pasukan yang mantap untuk negeri dan rakyat,” katanya.